



ISMAIL SABRI

Kerajaan disaran pinda Akta DBP 1959

KUALA LUMPUR - Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yacob berpendirian Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 perlu dipinda bagi memberikan lebih kuasa kepada DBP untuk mengambil tindakan dari segi penyalahgunaan Bahasa Melayu.

Menurutnya, usaha itu pernah dibuat ketika beliau menjadi pemimpin negara namun tidak sempat dilaksanakan kerana pertukaran kerajaan.

"Saya mengakui peranan DBP dalam memperkasa dan menambah baik penggunaan ayat Bahasa Melayu seiring dengan perkembangan semasa. Bagaimanapun, kuasa DBP untuk mengambil tindakan dari segi penyalahgunaan bahasa dilihat terhad dan tidak meluas.

"Justeru, kerajaan hari ini diharap memberi perhatian kepada usaha dilakukan agar Bahasa Melayu dapat diperkasa dan digunakan secara menyeluruh," katanya ketika berucap merasmikan Simposium Antarabangsa Aspirasi Bahasa Melayu (SAABM) di sini pada Isnin.

Ismail Sabri berkata, SAABM merupakan kesinambungan daripada Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu pada 22 Mei 2022 di DBP.

Menurutnya, ia merupakan sebahagian daripada perjuangan beliau untuk memperkasa dan memartabatkan bahasa Melayu khususnya di peringkat global.

"Saya melihat SAABM adalah platform terbaik bagi menyemai semangat kecintaan kepada bahasa, budaya dan ketamadunan Melayu seterusnya menyemarakkan semangat perjuangan Bahasa Melayu kepada setiap Keluarga Malaysia.

"Saya difahamkan simposium kali ini dapat menarik penglibatan beberapa tokoh pejuang Bahasa Melayu dari Malaysia, negara-negara ASEAN dan antarabangsa," ujar beliau.

Jelasnya, penggunaan Bahasa Melayu terbukti melangkaui ruang lingkup Nusantara sehingga Korea Selatan juga menggunakannya sebagai rujukan untuk pelancong asing.

Ismail Sabri turut berkongsi hasrat beliau sewaktu mengadakan lawatan kerja ke Indonesia yang mahu menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi kedua bagi negara ASEAN.